

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2 APRIL 2015

# GST halal, tepati syarak: PM

BH- 2/4/2015

» *Dipersetujui  
Majlis Fatwa  
Kebangsaan,  
rakyat bakal  
terima manfaat*

**Oleh Mahanum Abd Aziz  
dan Haika Khazi**  
bhnews@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

**P**elaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang berkuat kuasa mulai semalam, adalah halal kerana menepati kehendak hukum syarak dan sudah dipersetujui oleh Majlis Fatwa Kebangsaan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak berkata matlamat utama GST bukan untuk menyusahkan rakyat, sebaliknya bakal memberi banyak manfaat kepada semua pihak.

Beliau berkata kerajaan juga mengambil masa kira-kira 35 tahun untuk kajian terperinci dengan mengambil kira pelbagai aspek, sebelum mem-



perkenalkan GST.

"Pelaksanaan GST di Malaysia adalah sangat kompleks dan mempunyai banyak perbezaan dengan dasar cukai sempamannya di negara lain.

### Transformasi terbesar

"GST adalah menjadi kunci utama dalam siri pembaharuan dan transformasi terbesar dalam sejarah negara yang mampu meningkatkan keberkesanan, kecekapan, ketelusan sistem percukaian dan mesra perniagaan serta mampu memastikan Malaysia muncul sebagai negara berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya dalam majlis perasmian Pameran Halal Antarabangsa Malaysia 2015 (MIHAS) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala

Lumpur (KLCC) di sini, semalam.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-106 yang bersidang pada 21-22 Oktober 2014 memutuskan GST adalah harus dan dibenarkan kerana ia sebahagian daripada punca pendapatan negara dan demi kemaslahah rakyat.

Bagaimanapun, muzakarah sepakat bahawa pelaksanaan GST mestilah berpandukan lingkungan ditetapkan syarak termasuk komitmen kerajaan melaksanakan syariat Islam dan keperluan sumber kewangan.

Selain itu, cukai yang dikutip hanya untuk memenuhi kemaslahah ummah, tidak boleh untuk tujuan maksiat dan agihannya mestilah bertepatan dengan ijhtihad ulama semasa dan setempat.

Sebelum ini media melaporkan seorang guru agama di Pulau Pinang mendakwa pelaksanaan GST terhadap umat Islam adalah haram ke-

rana orang Islam sudah membayar zakat.

Mengulas lanjut, Najib berkata lebih 4,000 barang dan perkhidmatan dikecualikan cukai atau dikenakan cukai pada kadar sifar peratus, termasuk bekalan air dan makanan asas, sekali gus membolehkan rakyat menerimanya secara berperingkat.

Katanya, GST juga dibuat menerusi pakej menyeluruh termasuk pengurangan cukai individu antara satu hingga tiga peratus, cukai korporat dan peningkatan kadar Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M).

### Ambil kira semua aspek

"Justeru, keseluruhannya GST dirangka dengan mengambil kira semua aspek dan tidak membebankan rakyat," katanya.

Najib berkata, GST juga memberi manfaat kepada firma Malaysia daripada segi kos menjalankan perniagaan lebih rendah menerusi pengembalian sebarang cukai terhadap bahan mentah.